

## **BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN PERMOHONAN KELUAR ISLAM: KAJIAN UNDANG- UNDANG DI BEBERAPA NEGERI DI MALAYSIA**

***JURISDICTION OF SYARIAH COURT IN RESPECT OF APPLICATION  
TO RENOUNCE ISLAM: A LEGAL STUDY IN CERTAIN STATES IN  
MALAYSIA***

**Rohana Abdul Rahman<sup>1</sup>**

**Fariza Romli<sup>2</sup>**

**Rohizan Halim<sup>3</sup>**

**Rusniah Ahmad<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup> Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Email: <sup>1</sup>hana@uum.edu.my, <sup>2</sup>arfariza@uum.edu.my, <sup>3</sup>rohizan@uum.edu.my, <sup>4</sup>rusniah@uum.edu.my

**Accepted date:** 16-12-2018

**Published date:** 31-12-2018

**To cite this document:** Abdul Rahman, R., Romli, F., Halim, R. Ahmad, R. (2018). Bidangkuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Permohonan Keluar Islam: Kajian Undang-undang Di Beberapa Negeri Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 254-262.

---

**Abstrak:** Penggubalan undang-undang berkaitan hal ehwal Islam di Malaysia tertakluk kepada badan perundangan negeri masing-masing yang menghasilkan peruntukan perundangan yang tidak selaras. Terdapat negeri yang memperuntukkan mengenai prosedur keluar Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam mengisyiharkan status agama individu, manakala ada negeri yang memperuntukkan keluar Islam sebagai satu kesalahan jenayah menghina agama. Objektif kertas kerja ini ialah mengkaji peruntukan Enakmen Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam isu permohonan keluar Islam. Kaedah penyelidikan secara pendekatan perbandingan dibuat ke atas isi kandungan Enakmen Syariah sedia ada di ketiga-tiga negeri tersebut. Kertas kerja ini mendapati peruntukan undang-undang yang lebih jelas di Negeri Sembilan berkaitan bidangkuasa Mahkamah Syariah berhubung isu keluar Islam berbanding peruntukan yang terdapat di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Negeri Sembilan menggariskan prosedur permohonan keluar Islam. Adalah ditegaskan juga bahawa Mahkamah Syariah hanya terpakai kepada orang Islam sahaja dan tidak terpakai ke atas orang bukan Islam.

**Kata Kunci:** Enakmen Syariah, Keluar Islam, Mahkamah Syariah

**Abstract:** The law relating to Islamic affairs in Malaysia is subject to the respective state legislature which in turn has caused inconsistent legislation amongst the states. Certain states provide for a procedure to renounce Islam and the jurisdiction of the Syariah Court in confirming the religious status of an individual whereas other states provide that renouncing Islam is a criminal offence of humiliating or disgracing Islam. The objective of this paper is to examine Islamic law provisions in Federal Territories, Negeri Sembilan and Pulau Pinang regarding the jurisdiction of the Syariah Court in the matter of renouncing Islam. Research method by way of comparative approach is made on the differing content of the existing Islamic law provisions in the three states. This paper finds that the provisions of law in the Negeri Sembilan Enactment is clearer than the provisions of law in the Federal Territory and Pulau Pinang. Negeri Sembilan outlines the procedure for an individual who wishes to renounce Islam without any repercussion. It is firmly noted that Syariah Court is applicable to Muslims only and not applicable to non-Muslims.

**Keywords:** Syariah Enactment, Renouncing Islam, Syariah Court

---

## Pendahuluan

Menurut Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan. Dalam sistem persekutuan wujud pembahagian kuasa perundangan di antara kerajaan Persekutuan dan Negeri. Penggubalan undang-undang berkaitan hal ehwal Islam tertakluk kepada badan perundangan negeri masing-masing yang menghasilkan peruntukan perundangan yang tidak selaras. Terdapat negeri yang memperuntukkan mengenai prosedur keluar Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam mengisyiharkan status agama individu, manakala ada negeri yang memperuntukkan keluar Islam sebagai satu kesalahan jenayah menghina agama.

Undang-undang mengenai tatacara yang perlu diikuti sekiranya seseorang ingin meninggalkan Islam hanya terdapat di Negeri Sembilan. Ini dinyatakan dalam Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Pindaan 2009). Negeri-negeri lain antaranya Pahang dan Melaka menjadikan keluar Islam sebagai kesalahan menghina agama, dan hukuman yang boleh dikenakan tidak berbentuk hukuman Syariah sebenar. Kerajaan Kelantan cuba melaksanakan hukuman Syariah iaitu hukuman bunuh (hudud) bagi yang keluar Islam namun tidak dapat dilaksanakan kerana tindakan tersebut berkemungkinan “*ultra vires*” dengan undang-undang Persekutuan.

Kuasa kerajaan negeri untuk menghukum pihak yang melakukan kesalahan bertentangan dengan ajaran Islam adalah tertakluk kepada beberapa sekatan yang dinyatakan oleh Perlembagaan Persekutuan. Pertama; adalah jelas dari Senarai 2 Jadual Kesembilan bahawa orang bukan Islam tidak tertakluk kepada Mahkamah Syariah. Kedua; undang-undang Syariah hanya terpakai kepada orang yang menganut agama Islam. Ketiga; tidak semua perkara berkaitan Islam di bawah bidang kuasa kerajaan negeri contohnya jenayah adalah dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Keempat; Mahkamah Syariah adalah tertakluk kepada kuasa menghukum di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 iaitu penjara maksimum tiga tahun, denda RM5000, enam sebatan atau gabungan keduanya. Hukuman yang dibenarkan di bawah Akta tersebut adalah tidak selaras dengan Syariat Islam, serta tidak setara dengan bidang kuasa menghukum di Mahkamah Sivil. Kelima; undang-undang di peringkat negeri yang berkaitan dengan hal ehwal Islam perlu

menghormati peruntukan kebebasan asasi Perkara 5 hingga 13 Perlembagaan Persekutuan, namun begitu banyak Enakmen digubal di peringkat negeri mengabaikan perkara ini.

Contohnya peruntukan seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Pindaan 2009) berkaitan keluar Islam seperti penahanan di pusat pemulihan akidah dianggap bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan penafian hak untuk keluar Islam bertentangan dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu hak kebebasan beragama.

Kertas kerja ini mengkaji peruntukan Enakmen Syariah sedia ada di Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Kertas kerja ini tidak membincangkan isu keluar Islam dari perspektif undang-undang Islam itu sendiri. Perbincangan juga tidak dibuat ke atas praktis atau amalan yang dilakukan oleh institusi yang menjaga hal ehwal Islam di negeri-negeri tersebut sebaliknya tertumpu kepada peruntukan Enakmen Syariah sahaja.

Berikut adalah beberapa contoh peruntukan undang-undang Islam yang berkait dengan isu keluar Islam di tiga buah negeri iaitu a) Wilayah Persekutuan, b) Negeri Sembilan dan c) Pulau Pinang. Pemilihan Wilayah-Wilayah Persekutuan dibuat kerana Parlimen meluluskan akta yang berkaitan hal ehwal Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan manakala Negeri Sembilan dipilih kerana mempunyai peruntukan undang-undang yang jelas berkaitan keluar Islam. Manakala Pulau Pinang pula mempunyai kes berkaitan keluar Islam yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

### **Wilayah Persekutuan**

Akta berkaitan hal ehwal Islam yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan antaranya ialah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak – 1988) (Akta 355).

Jika diteliti tiada peruntukan mengenai keluar Islam dalam Akta 505 dan Akta 559. Akta 505 hanya memperuntukkan mengenai situasi atau prosedur untuk seseorang memeluk Islam dalam Bahagian IX (seksyen 85 sehingga seksyen 95). Selain itu, Akta 559 memperuntukkan mengenai kesalahan menghina dan mempersendakan agama Islam di dalam seksyen 7, 8 dan 9. Walau bagaimanapun, perbuatan keluar Islam tidak diklasifikasikan sebagai menghina agama Islam dalam Akta 559.

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah pula diperuntukkan oleh seksyen 46 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 namun tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai kuasa Mahkamah Syariah dalam menentukan status seorang Islam sebagai bukan Islam. Seksyen 46 memperuntukkan;

- (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.
- (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah--

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang sedang berkuatkuasa, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan baginya;
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan—
  - (i)-(ix); dan
- (x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Tiada peruntukan yang memberikan bidang kuasa nyata kepada Mahkamah Tinggi Syariah di Wilayah Persekutuan bagi membicarakan kes keluar Islam. Keadaan ini menunjukkan kelompangan yang ada dalam Akta berkenaan. Peruntukan untuk memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah dalam membicarakan kes-kes keluar Islam wujud dalam Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Namun, Parlimen gagal menggubal peruntukan sedemikian bagi pemakaian di Wilayah Persekutuan. Kelompangan dalam peruntukan inilah yang menyebabkan Lina Joy beranggapan Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa untuk mendengar permohonan beliau (*Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain* [2007] 3 CLJ 557; lihat juga *PP lwn Mohd Noor bin Jaafar* [2006] 1 CLJ 103 dan *Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawani bte Sharibun* [2007] 5 CLJ 253 yang membincangkan isu bidang kuasa dan kesan peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan).

Walaupun seksyen 46 (2) (b) (x) di atas boleh dihujahkan sebagai merangkumi kuasa memutuskan kes-kes keluar Islam adalah lebih elok sekiranya Enakmen diperjelaskan kerana Enakmen Negeri Sembilan dan Enakmen Pulau Pinang yang dibincangkan di bawah mempunyai frasa sebagaimana seksyen 46 (2) (b) (x) ditambah lagi dengan peruntukan yang lebih spesifik dalam mengisyiharkan status seseorang sebagai Islam ataupun bukan lagi seorang Islam.

Walaupun ada pandangan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah tersirat, seharusnya Enakmen memberikan bidang kuasa nyata agar pihak yang ingin memohon untuk keluar Islam serta Mahkamah baik Sivil mahupun Syariah tidak terkeliru. Dengan adanya bidang kuasa nyata, maka penyelesaian kes-kes keluar Islam akan menjadi lebih fokus kepada permasalahan sebenar yang dihadapi oleh pemohon iaitu sama ada pemohon masih seorang Islam atau telah keluar dari agama Islam.

### **Negeri Sembilan**

Negeri Sembilan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang memperuntukkan prosedur bagi individu yang ingin keluar dari agama Islam tanpa memperuntukkan hukuman. Peruntukan seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003

mengenai keluar daripada agama Islam menggariskan prosedur yang perlu dilalui oleh pemohon.

Seksyen 119 menetapkan sebelum seorang boleh diisyiharkan oleh Mahkamah Syariah sebagai telah keluar dari agama Islam, beliau perlu membuat permohonan kepada hakim Mahkamah Tinggi Syariah dengan menyerahkan afidavit mengandungi fakta yang menyokong alasan keluar Islam. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh menangguhkan perbicaraan bertujuan menasihati pemohon supaya bertaubat dan jika telah bertaubat merekodkan taubat pemohon. Jika sekiranya pemohon enggan bertaubat, perbicaraan permohonan boleh ditangguhkan untuk tempoh selama 90 hari dan merujuk perkara tersebut kepada pegawai agama bagi sesi rundingcara. Ini bertujuan menasihati pemohon supaya menimbangkan semula permohonan beliau untuk meninggalkan agama Islam. Jika pada bila-bila masa semasa sesi rundingcara pemohon bertaubat, pegawai agama berkenaan hendaklah membawa pemohon ke Mahkamah Tinggi Syariah dengan segera. Jika hakim berpuashati bahawa pemohon telah bertaubat, taubat tersebut hendaklah direkodkan.

Selepas tamat tempoh 90 hari penangguhan perbicaraan dan sekiranya pemohon masih enggan bertaubat, pegawai agama yang menjalankan kaunseling dan rundingcara dikehendaki membawa pemohon ke Mahkamah Tinggi Syariah. Sekiranya hakim berpandangan bahawa masih ada peluang untuk pemohon bertaubat, perintah boleh dikeluarkan bagi penangguhan pendengaran permohonan bagi tujuan rundingcara dan bimbingan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun. Jika dalam tempoh satu tahun ini, pemohon bertaubat maka, taubat tersebut hendaklah direkodkan.

Jika setelah tamat tempoh setahun dan pemohon masih gagal bertaubat maka, hakim boleh membuat keputusan untuk mengisyiharkan bahawa pemohon telah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya selepas membuat perintah berkaitan pembubaran perkahwinan, pembahagian harta sepencarian, hak pewalian, hak pusaka dan hadhanah.

Peruntukan di atas ialah langkah yang sangat baik kerana menggariskan perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang yang ingin keluar Islam termasuklah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Di sebalik keraguan yang timbul mengenai adakah pihak berkuasa negeri mempunyai bidang kuasa dalam kes-kes keluar Islam, tindakan mewujudkan peruntukan yang sebegini di Negeri Sembilan membuktikan bahawa pihak berkuasa negeri mempunyai bidang kuasa tersebut.

Mengenai bidang kuasa mahkamah dalam mengisyiharkan status seseorang yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia sebagai masih Islam atau telah murtad, kedudukan di Negeri Sembilan juga amat jelas. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dalam Bahagian IV di bawah seksyen 61 memperuntukkan kuasa yang jelas kepada Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat penentuan status seorang Islam seperti berikut:

#### **Seksyen 61: Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah**

##### **(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—**

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen

Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan

(xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan menganggap ia berbidang kuasa dalam mengisytiharkan status seseorang sebagai telah murtad atau bukan lagi Islam. Perisyiharan ini dilihat tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana mahkamah berdasarkan bukti yang ada hanya mengisytiharkan status dan bukannya memberi kebenaran bagi seseorang Islam untuk murtad.

Ternyata peruntukan yang ada berkaitan keluar Islam serta bidang kuasa nyata Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan membantu untuk menyediakan saluran dalam kes-kes melibatkan keluar Islam. Keadaan ini juga memudahkan keluarga bagi pihak yang telah meninggal dunia bagi mendapatkan pengesahan status simati sebagaimana berlaku dalam kes *Dalam Perkara Nyonya binti Tahir, ex p Majlis Agama Islam Negeri Sembilan JHXXI/II 1427H 221-239* perisyiharan diberikan berdasarkan Seksyen 61(3)(b)(xi) di atas.

### **Pulau Pinang**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 tidak mempunyai peruntukan nyata mengenai prosedur keluar Islam sebagaimana yang wujud di Negeri Sembilan.

Dari segi bidang kuasa Mahkamah Syariah pula, Pulau Pinang mempunyai peruntukan jelas seperti di Negeri Sembilan di mana Mahkamah Tinggi Syariah berbidang kuasa membuat perisyiharan status seorang Islam sebagai bukan lagi Islam.

Menurut seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah ialah seperti berikut:

- (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Pulau Pinang dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

(x) perisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) perisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan

(xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Nampaknya bidang kuasa untuk mengisyiharkan status seseorang sebagai bukan lagi Islam diberikan secara nyata kepada Mahkamah Syariah di bawah seksyen 61 di atas. Seharusnya tidak timbul kekeliruan mengenai bidang kuasa sebagaimana yang berlaku dalam kes *Siti Fatimah Tan* [2009] 27 Jurnal Hukum II 185 dan Mahkamah Syariah Pulau Pinang juga tidak perlu membincangkan isu bidang kuasa sekiranya ada kes dibawa ke Mahkamah Syariah.

### **Prosedur Keluar Islam**

Ternyata di kebanyakan negeri di Malaysia terdapat peruntukan dan prosedur yang jelas untuk seseorang individu memeluk agama Islam seperti menetapkan syarat-syarat untuk memeluk agama Islam serta tugas-tugas seorang Muallaf apabila menjadi orang Islam dan sebagainya. Contohnya seperti seksyen 70 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan seksyen 107 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan atau prosedur yang jelas dalam mana-mana undang-undang bagi mereka yang ingin keluar dari agama Islam. Agak janggal apabila situasi ini tidak dijelaskan kerana ia akan menyebabkan lebih banyak isu yang berkaitan dengan keluar Islam ini dibiarkan tergantung atau *in limbo*. Tidak hairanlah ada pihak-pihak yang cuba mengambil jalan sendiri dan terus ke Mahkamah Sivil untuk mencari keadilan.

Isu-isu kontroversi yang timbul apabila Mahkamah Syariah diberikan bidang kuasa untuk mengisyiharkan seseorang itu sebagai keluar Islam tidak sepatutnya dipolitikkan kerana penyelesaian harus dicari bukan disembunyikan dengan harapan ia akan pudar dimakan masa. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa sudah ada toleransi di pihak Mahkamah Syariah sendiri untuk menerima penglibatan orang bukan Islam bagi membantu kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah (Temubual Mahkamah Syariah 2016). Contohnya Mahkamah Syariah Pulau Pinang telah menerima testimoni saksi yang bukan beragama Islam

dalam semua bidang termasuklah pakar-pakar perubatan (undang-undang keterangan Islam). Apa yang penting adalah setiap perubahan atau pindaan undang-undang yang melibatkan masyarakat sama ada yang beragama Islam atau tidak beragama Islam, rakyat harus diberikan pendidikan agar mereka mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing apabila memeluk agama Islam. Agama Islam juga tidak harus dipermainkan demi kepentingan diri sendiri atau untuk memenuhi agenda tertentu. Kejahilan yang ada kini ternyata menyebabkan pelbagai masalah yang kritikal yang memerlukan kepada penyelesaian yang lebih matang dan berpijak di bumi nyata. Sentimen agama dan juga perkauman tidak harus dijaja dan dicanangkan sehingga menimbulkan keresahan yang tidak munasabah seperti yang berlaku semasa perbicaraan kes keluar Islam.

### **Penutup**

Berdasarkan perbincangan di atas mengenai bidangkuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia berhubung isu keluar Islam, Negeri Sembilan mempunyai peruntukan yang lebih jelas setakat ini berbanding peruntukan undang-undang yang terdapat di Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang.

Peruntukan undang-undang di Negeri Sembilan menggariskan dengan jelas apakah perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang yang ingin keluar Islam termasuklah bidang kuasa mahkamah. Negeri Sembilan juga merupakan satu-satunya negeri yang memperuntukkan prosedur bagi individu yang ingin keluar dari Agama Islam. Mahkamah hanya mengisyiharkan status dan bukannya memberi kebenaran bagi seseorang Islam untuk keluar Islam.

Terdapat keimbangan mengenai hak kebebasan agama yang didakwa akan terjejas sekiranya Mahkamah Syariah didaulatkan bidang kuasanya. Sentimen ini sepatutnya tidak ditimbulkan kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya terpakai kepada orang-orang Islam sahaja. Isu keluar Islam perlulah diselesaikan terlebih dahulu di Mahkamah Syariah, begitu juga isu-isu sampingan yang bersangkutan seperti pembubaran perkahwinan, pembahagian harta sepencarian, hak pewalian, hak pusaka dan hadhanah.

### **Penghargaan**

Artikel ini adalah berdasarkan penemuan daripada penyelidikan yang dibiayai oleh *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Rujukan**

- Abdullah. N. C. (2007). Muslim Convert Spouse and Non Convert Spouse: The Conflict Continues. *The Law Review* 304.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- Anon. (2011). Akta Murtad perlu kajian menyeluruh. *Harian Metro*, 18 Oktober: 12.
- Anon. (2011). Kuatkuasa Enakmen halang Muslim Murtad. *Harian Metro*, 12 Disember: 25.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Pindaan 2009)
- Jalil, F. & Halim. R. [2011]. Bukti Amalan dalam Penentuan Status Agama: Pendirian Mahkamah. 4 *QLR* 27.

- Md. Isa. Y. & Yusof. Y. (2007). Implikasi Kes Lina Joy: Satu Keperluan kepada Penyeragaman Prosedur Keluar Islam (Murtad) oleh Mahkamah Syariah. *KANUN* 19(3):1.
- Mohd Yusof. F. (n.d). Kaedah Penyelesaian dalam Menangani Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di muat turun pada 17 September 2017 daripada <https://eprints.utm.my/7864/1/78097.pdf>
- Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang.  
Perlembagaan Persekutuan 1957
- Shuaib. F. S. (2008a). *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Edisi Kedua. Petaling Jaya: Lexis Nexis.
- Shuaib. F. S. [2008b]. Development of Syariah Courts in Malaysia: Waves of Reformation. 9 *CLJ* xli.